

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI DR. WAN AZIZAH WAN
ISMAIL [PANDAN]**

SOALAN

DATO' SERI DR. WAN AZIZAH WAN ISMAIL [PANDAN] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan daripada 115 inisiatif yang terkandung dalam Pelan Anti-Rasuah Nasional (NACP) yang dilancarkan pada 2019, berapakah inisiatif yang telah dikeluarkan, berapa yang ditangguhkan daripada dilaksanakan awal dan berapakah inisiatif baharu yang ditambah.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019 - 2023 merupakan satu dokumen terbuka (*living document*) yang dibangunkan bagi memastikan pelaksanaan yang berkesan berhubung strategi antirasuah di Malaysia dan akan sentiasa dikemas kini mengikut dasar kerajaan semasa.

2. Daripada 115 inisiatif asal NACP tersebut, sebanyak 29 inisiatif telah dilaksanakan manakala baki sebanyak 86 inisiatif lagi masih dalam pelaksanaan. Namun begitu, jumlah terkini inisiatif yang masih dalam proses pelaksanaan ialah 82 inisiatif.

3. Hasil Laporan Semakan Semula Separuh Penggal Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 yang dikeluarkan pada 19 Mei 2021 telah menggariskan 82 inisiatif berasaskan kepada keperluan penambahbaikan berterusan seiring dengan dasar semasa kerajaan seperti berikut:

- (i) 13 inisiatif asal telah ditangguhkan pelaksanaannya. Inisiatif yang ditangguhkan ini tidak bermaksud dihentikan malah telah diarah supaya kajian yang lebih mendalam dibuat sebelum sesuatu penambahbaikan dibuat ke atas inisiatif-inisiatif tersebut bagi merealisasikan pelaksanaannya kerana kebanyakannya memerlukan pindaan ke atas Perlembagaan Persekutuan dan pengenalan kepada beberapa perundangan baharu; dan
- (ii) 12 inisiatif baharu telah ditambah menjadikan jumlah keseluruhan inisiatif kepada 82 inisiatif.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2021**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI DR. WAN AZIZAH WAN
ISMAIL (PANDAN)**

SOALAN

DATO' SERI DR. WAN AZIZAH WAN ISMAIL (PANDAN) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan polisi, strategi dan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian bagi memastikan rumah mampu milik yang mencukupi disediakan di kawasan yang diperlukan untuk rakyat yang memerlukan dengan peruntukan yang adil lagi saksama.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bertanggungjawab menyediakan perumahan yang berkualiti, kondusif, berdaya huni dan mampu milik untuk rakyat. Kerajaan sentiasa komited untuk menyediakan Rumah Mampu Milik (RMM) khususnya untuk golongan B40 dan M40. Antara projek-projek RMM Kementerian ialah Program Perumahan Rakyat (PPR) dan Rumah Mesra Rakyat (RMR) untuk golongan B40, Kediaman SPNB, Perumahan Penjawat Awam Malaysia (PPAM) dan Perumahan PR1MA untuk golongan M40.

Selaras dengan strategi RMKe-12 yang baharu sahaja diumumkan iaitu meningkatkan bekalan Rumah Mampu Milik (RMM) kepada kumpulan sasar (Strategi C1) di bawah Bab 4: Meningkatkan Pertahanan, Keselamatan, Kesejahteraan dan Perpaduan, KPKT akan memastikan pelaksanaan projek-projek RMM di seluruh negara bagi golongan B40 dan M40 terus diberi perhatian. Dalam hubungan ini, KPKT telah menubuhkan Jawatankuasa Kerja dan Jawatankuasa Pemandu untuk menyelaras perancangan bekalan RMM dan data RMM bagi menjayakan pembinaan 500,000 unit RMM di seluruh negara. Strategi pelaksanaan ini akan melibatkan KPKT sebagai penyelaras utama kepada 15 Kementerian/Agensi Persekutuan, Kerajaan Negeri dan sektor swasta.

Di samping itu, KPKT bercadang untuk mewujudkan Panel Pemikir (Panel of Experts, POE) bagi membantu dan memberi nasihat kepada Kementerian dalam pelbagai isu perumahan khususnya melibatkan kluster sosial, ekonomi dan geopolitik. Selain itu, POE juga dapat membantu merangka strategi pendekatan aksesibiliti perumahan ideal yang konklusif, praktikal dan mampan. Buat permulaan, POE ini akan membincangkan mengenai kaedah pembiayaan perumahan terutamanya bagi golongan B40 dan M40.

Kerajaan komited untuk meneruskan penyediaan perumahan khususnya bagi golongan B40 dengan pelaksanaan PPR secara berterusan. Program ini merupakan subsidi terbesar bagi pemilikan

rumah awam kepada kumpulan B40. Secara umumnya, penyediaan PPR bergantung kepada jumlah permohonan yang diterima KPKT dan Bahagian Perumahan SUK Negeri. Pembangunan PPR ini bergantung kepada ketersediaan dan kesesuaian lokasi yang dikemukakan oleh Kerajaan Negeri serta peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan Persekutuan. Terdapat dua (2) jenis PPR yang disediakan oleh Kerajaan iaitu PPR Dimiliki dan PPR Disewa. PPR Dimiliki merujuk kepada unit PPR yang dijual kepada pemohon yang berkelayakan manakala PPR Disewa ditawarkan kepada rakyat yang masih belum berkemampuan untuk memiliki kediaman sendiri.

Sejak diperkenalkan pada tahun 1982 sehingga sekarang, terdapat 154 projek PPR Dimiliki dan PPR Disewa yang telah siap dibina melibatkan 97,196 unit rumah kepada golongan sasaran. Kumpulan ini boleh memiliki rumah PPR dengan harga RM35,000.00 di Semenanjung Malaysia manakala RM42,000.00 di Sabah dan Sarawak. PPR Disewa pula menawarkan kadar sewa serendah RM124.00 sebulan. Kerajaan juga telah memperkenalkan Program PPR Sewa untuk Milik (*Rent to Own*).

Pada masa yang sama, Kerajaan komited untuk meneruskan Program RMR di bawah Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) yang juga terbukti memberi manfaat perumahan khusus kepada golongan B40 yang mempunyai tanah sendiri atau tanah milik ahli keluarga yang diberi kebenaran. Setakat ini, sebanyak 47,714 unit RMR telah siap dibina.

Selain itu, Kerajaan akan meneruskan program perumahan sedia ada bagi golongan M40 melalui program RMM dengan harga jualan RM300,000 dan ke bawah seperti PPAM, program perumahan PR1MA dan Kediaman SPNB yang memberi manfaat kepada golongan M40. Setakat ini, terdapat 23,841 unit PPAM, 21,183 unit perumahan PR1MA dan 27,518 unit Kediaman SPNB telah siap dibina.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN (BERTULIS)
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN (BERTULIS)

**DARIPADA : YB DATO' SERI DR. WAN AZIZAH WAN ISMAIL
(PANDAN)**

SOALAN

DATO' SERI DR. WAN AZIZAH WAN ISMAIL [PANDAN] minta **MENTERI
DALAM NEGERI** menyatakan :-

- (a) apakah perancangan Kementerian dalam meminda 2 perkara ini bagi memastikan keluarga wanita Malaysia turut dilindungi dan dilayan sama seperti keluarga lelaki Malaysia apabila berkahwin dengan warga asing ; dan
- (b) apakah Kerajaan akan membantu membuat rayuan keputusan mahkamah jika permohonan tidak diluluskan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Dalam Negeri bersimpati dengan kes-kes ibu warganegara Malaysia yang berkahwin dengan lelaki bukan warganegara yang melahirkan anak di luar negara kerana perlembagaan tidak memperuntukkan untuk anaknya diberikan taraf kewarganegaraan secara kuatkuasa undang-undang. Namun demikian, Kementerian terikat dengan Perlembagaan dan perundangan sedia ada dalam negara berhubung dengan kewarganegaraan yang diperuntukkan dalam Bahagian III Perlembagaan Persekutuan dan Kaedah-Kaedah Kewarganegaraan 1964 [L.N.82/1964].

Kementerian berada dalam keadaan terhimpit di atas keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur Suriani Kempe & 6 lagi - lawan- Kerajaan Malaysia dan juga kes Mahisha Sulaiha Abdul Majeed -lwn- Ketua Pengarah Pendaftaran Negara & 2 Lagi berhubung isu pentafsiran perkataan "bapa" dalam Jadual Kedua, Bahagian II, Seksyen 1(b) dan 1(c) Perlembagaan Persekutuan. Berhubung dengan keputusan permohonan penangguhan pelaksanaan perintah mahkamah (stay of execution) yang telah didengar di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 15 November 2021 yang mana Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah menolak permohonan tersebut. Kerajaan melalui Jabatan Peguam Negara telah memfailkan "fresh application for stay" bersama Perakuan Segera (Certificate of Urgency) di Mahkamah Rayuan pada hari ini 16 November 2021.

Pemfailan “fresh application for stay” ini dibuat bertujuan menangguhkan pelaksanaan perintah Mahkamah Tinggi.

Selain daripada itu, Kementerian bercadang untuk membawa perkara ini bagi mendapat polisi baharu Kerajaan untuk meminda perlembagaan bagi pemerolehan kewarganegaraan Malaysia bagi individu berumur di bawah 21 tahun yang dilahirkan di luar negara oleh ibu bertaraf warganegara Malaysia yang berkahwin dengan bapa bertaraf bukan warganegara secara kuat kuasa undang-undang. Dalam masa yang sama perkara ini perlu mendapat persetujuan Majlis Raja-Raja selaras dengan Perkara 159(5) Perlembagaan Persekutuan.